

## **Pengaruh Harapan Terhadap Anak dan Sokongan Sosial ke atas Kesejahteraan Subjektif Ibu Bapa Kanak-Kanak Kurang Upaya Pembelajaran**

**Calistina Ubeh  
Ferlis Bullare@Bahari  
Peter Voo Su Kiong**

Universiti Malaysia Sabah

*Golongan ibu bapa yang mempunyai anak kurang upaya merupakan golongan yang telah dikaitkan dengan pelbagai cabaran dalam membesarkan anak khususnya anak kurang upaya pembelajaran. Kajian lepas mengenai ibu bapa yang membesarkan anak kurang upaya telah menunjukkan betapa kompleksnya cabaran yang dialami oleh ibu bapa termasuklah risiko yang melibatkan aspek kesejahteraan fizikal dan emosi. Walau bagaimanapun, golongan ibu bapa kanak-kanak kurang upaya ini telah memberikan bukti yang berbeza-beza dalam aspek kesihatan mental yang akhirnya menggalakkan lagi penyelidikan yang memberi fokus khususnya kepada aspek-aspek positif termasuklah kesejahteraan subjektif. Mengetahui kesejahteraan subjektif ibu bapa yang membesarkan kanak-kanak kurang upaya merupakan satu keperluan yang sangat penting untuk dipenuhi memandangkan golongan ibu bapa yang membesarkan anak kurang upaya ini adalah sebahagian daripada peratus yang signifikan dalam populasi dunia. Bagi memenuhi dan memahami keperluan tersebut, satu kajian menggunakan Partial Least Squares Structural Equation Modeling (PLS-SEM) dijalankan untuk menguji pengaruh faktor harapan terhadap anak dan sokongan sosial ke atas kesejahteraan subjektif ibu bapa kanak-kanak kurang upaya pembelajaran. Hasil kajian ke atas seramai 328 orang ibu bapa kanak-kanak kurang upaya pembelajaran menunjukkan kedua-dua faktor tersebut memberi pengaruh yang signifikan ke atas kesejahteraan subjektif ibu bapa. Dapatan kajian ini mencadangkan harapan terhadap anak dan sokongan sosial sebagai faktor yang menyumbang kepada peningkatan kesejahteraan subjektif dalam kalangan ibu bapa yang membesarkan kanak-kanak kurang upaya pembelajaran.*

**Kata Kunci:** Ibu bapa Kanak-Kanak Kurang Upaya pembelajaran, Kesejahteraan subjektif, Harapan terhadap anak, Sokongan sosial  
**SAPJ Code: 4010**

### **Pengenalan**

Kajian saintifik mengenai kesejahteraan subjektif mulai berkembang sebagai sebahagian reaksi kepada penekanan psikologi negatif yang berlebihan (Diener, Suh, Lucas, & Smith, 1999). Kajian lepas yang lebih menumpukan kepada aspek patologi termasuklah kajian mengenai kesihatan mental telah mengakibatkan pengabaian kepada keperluan individu dan masyarakat termasuklah keluarga untuk berkembang maju yang akhirnya membawa kepada kemunculan cabang baru psikologi iaitu psikologi positif. Psikologi seharusnya dapat membantu mendokumentasikan antaranya; bagaimana keluarga yang menghasilkan kanak-kanak yang berkembang maju, dan bagaimana menjadikan kehidupan manusia itu sesuatu yang bernilai (Seligman & Csikszentmihaly, 2000). Perkembangan psikologi positif termasuklah bidang yang menyentuh tentang kesejahteraan subjektif telah mencerminkan tren kemasyarakatan yang lebih besar mengenai nilai individu dan kepentingan pandangan subjektif dalam menilai kehidupan dan pengiktirafan bahawa kesejahteraan semestinya merangkumi elemen-elemen positif yang mengatasi harta kekayaan (Diener, Suh, Lucas, & Smith, 1999).

Kesejahteraan subjektif terdiri daripada tiga dimensi yang merangkumi kepuasan hidup, afek positif dan kurangnya afek negatif. Kesejahteraan subjektif merupakan konstruk yang melibatkan penilaian seseorang terhadap kedua-dua komponen kognitif dan komponen

afektif mengenai kehidupan berdasarkan pengalaman afek positif dan negatif bagi dimensi afek, dan penilaian kepuasan hidup secara menyeluruh bagi aspek kognitif (Diener, 1984; Diener, Lucas, & Oishi, 2002). Individu yang mempunyai tahap kesejahteraan yang tinggi dikatakan 1) berpuas hati terhadap kehidupannya, 2) kerap mengalami emosi-emosi positif seperti gembira dan kurang mengalami emosi-emosi negatif seperti kemurungan yang akhirnya membawa individu tersebut kepada pengalaman-pengalaman positif (Diener, Lucas, & Oishi, 2002; Diener, Sandvik, & Pavot, 1991).

Kajian lepas tentang kesejahteraan subjektif telah memberikan penumpuan tentang bagaimana kesejahteraan subjektif boleh memperbaiki aspek kehidupan seseorang seperti kefungsiannya dan kejayaan (Diener & Ryan, 2009) dan juga kesihatan, pekerjaan, hubungan sosial dan perkahwinan (Lyubomirsky, King, & Diener, 2005). Walau bagaimanapun, dalam aspek yang melibatkan keluarga yang membesarkan anak kurang upaya, kajian telah banyak memberi fokus kepada kesukaran dan masalah yang disebabkan oleh kekurangupayaan anak (Anthony, Anthony, Glanville, Naiman, Wanders, & Shaffer, 2005). Tidak kurang juga kajian yang telah menyifatkan pengalaman membesarkan anak kurang upaya sebagai memberi tekanan dan kemurungan secara psikologi yang akhirnya mendatangkan risiko kepada aspek penjagaan anak kurang upaya. Keadaan ini sudah tentu secara langsung memberikan tanggapan bahawa membesarkan anak yang mengalami kekurangupayaan akan membawa kesukaran dan tekanan kepada keluarga. Selari dengan tumpuan pengkaji pada masa kini, iaitu mengenai faktor-faktor yang boleh meningkatkan kesejahteraan khususnya peranan pembolehubah personaliti dan sikap yang mana boleh mempengaruhi kesejahteraan subjektif seseorang individu secara menyeluruh (Diener & Ryan, 2009), kajian ini secara khususnya bertujuan untuk mengenal pasti pengaruh harapan terhadap anak dan sokongan sosial ke atas kesejahteraan subjektif ibu bapa yang membesarkan kanak-kanak kurang upaya pembelajaran.

Park, Peterson dan Seligman (2004) menekankan bahawa individu yang mempunyai harapan lebih cenderung melihat masa depan dengan lebih positif. Seterusnya kepercayaan tersebut membolehkan mereka untuk mempunyai pandangan yang positif terhadap diri sendiri yang akan membantu meningkatkan motivasi (agensi) dan membawa kepada kesudahan tindakan dan cara (laluhan) yang ditunjukkan ke arah matlamat peribadi yang ingin dicapai (Hartley, Vance, Elliott, Cuckler, & Berry, 2008). Harapan dalam kajian ini merujuk kepada trait harapan ibu bapa yang merangkumi tiga pemikiran iaitu, laluhan, agensi, dan matlamat yang berkaitan dengan anak (Monsson, 2010). Dalam erti kata yang lain, harapan merujuk kepada satu set kognitif yang melibatkan interaksi antara pemikiran laluhan dan agensi yang diarahkan ke arah matlamat yang diinginkan khususnya matlamat yang berkaitan dengan anak. Hal ini bermaksud, ibu bapa yang mempunyai harapan yang tinggi mempercayai dan yakin bahawa mereka boleh membina laluhan atau cara untuk mencapai matlamat yang mereka tetapkan untuk anak mereka (pemikiran laluhan), disertai dengan motivasi untuk menggunakan laluhan tersebut (pemikiran agensi) untuk mencapai matlamat mereka terhadap anak. Oleh itu, secara ringkasnya ibu bapa yang mempunyai harapan yang tinggi lebih bermotivasi dan cenderung mencari laluhan atau alternatif lain apabila laluhan yang dipilih sebelumnya tidak berjaya. Selain itu, ibu bapa yang mempunyai harapan tinggi juga lebih cenderung berjaya dalam usaha mereka yang seterusnya membolehkan mereka mengalami kepuasan dan kesejahteraan subjektif yang lebih baik.

Kajian ini mengkaji harapan terhadap anak yang melibatkan interaksi antara pemikiran laluhan, agensi, dan matlamat sebagai faktor peramal kepada kesejahteraan subjektif ibu bapa kanak-kanak kurang upaya pembelajaran. Harapan telah dikaitkan dengan tingkah laku keibubapaan yang positif (Horton & Wallander, 2001; Kashdan *et. al*, 2002; Cooke, 2010), dan afek positif serta hubungan yang negatif terhadap tahap ketidakupayaan anak (Monsson, 2010) khususnya dalam kalangan ibu bapa yang membesarkan anak kurang upaya. Monsson (2010) juga telah menjadikan harapan terhadap anak sebagai penyederhana dalam mengkaji pengaruh tahap ketidakupayaan dengan

kesihatan mental dan kesedihan. Walau bagaimanapun, masih kurang kajian yang diketahui mengenai pengaruh harapan khususnya harapan terhadap anak secara spesifik kepada kesejahteraan subjektif ibu bapa yang membesarkan anak kurang upaya pembelajaran.

Dalam konteks ibu bapa yang membesarkan anak kurang upaya, kajian lepas turut mendapati bahawa ibu bapa yang mempunyai sokongan sosial yang tinggi menunjukkan tingkah laku keibubapaan yang lebih positif (Ceballo & McLoyd, 2002) dan tahap tekanan yang rendah (Smith, Oliver, & Innocenti, 2001). Selain itu, sokongan sosial dalam bentuk sokongan keluarga, kawan dan hubungan dengan masyarakat membawa kebaikan kepada ibu bapa anak kurang upaya, iaitu meningkatkan tahap kesihatan psikologikal dan merendahkan tahap tekanan ibu bapa (Manuel, Naughton, Balkrishnan, Paterson-Smith, & Koman, 2003). Kajian Sipal dan Sayin (2013) turut mendapati ibu menunjukkan kemurungan, dengan sokongan sosial daripada keluarga dan rakan adalah peramal kepada kemurungan. Kemurungan yang dialami oleh ibu turut dilaporkan memberi kesan ke atas gaya pengasuhan, di mana ibu yang mengalami kemurungan menunjukkan sikap keibubapaan yang tidak bersesuaian. Crnic dan Low (2002) menyatakan bahawa sokongan sosial ini sangat membantu terutama dalam melindungi ibu bapa kanak-kanak kurang upaya daripada mengalami tekanan yang tinggi. Dalam kajian ini, pengkaji melihat sokongan sosial sebagai aspek yang berpotensi dalam mempengaruhi pengalaman subjektif ibu bapa. Oleh itu, dalam kajian ini faktor sokongan sosial juga turut dikaji sebagai faktor yang mempengaruhi kesejahteraan subjektif ibu bapa kanak-kanak kurang upaya pembelajaran.

### **Kaedah Kajian**

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan pendekatan kuantitatif iaitu pengumpulan data berdasarkan kaedah tinjauan menggunakan soal selidik. Seramai 328 orang responden ibu bapa kanak-kanak kurang upaya pembelajaran yang dipilih berdasarkan persampelan bertujuan telah menyertai kajian ini.

### **Keputusan Kajian**

#### **Hasil Analisis Deskriptif**

Jadual 1 memaparkan taburan ciri-ciri demografi responden dalam kajian ini. Secara keseluruhan, seramai 328 orang responden ibu bapa telah menyertai kajian yang berumur dalam lingkungan 21 sehingga 79 tahun dengan majoritinya adalah responden perempuan iaitu sebanyak 60.4%. Dari segi status perkahwinan, majoriti responden iaitu sebanyak 90.0% melaporkan status berkahwin, dan mempunyai sekurang-kurangnya seorang anak kurang upaya pembelajaran. Majoriti responden adalah daripada Bumiputera Sabah sebanyak 79.3%, dengan tahap pendidikan yang dilaporkan pada peringkat SPM iaitu sebanyak 31.7%. Seterusnya dari segi jenis pekerjaan pula, majoriti responden melaporkan bekerja sendiri iaitu sebanyak 34.1%, diikuti oleh suri rumah sebanyak 32.9%, kakitangan kerajaan sebanyak 14.6%, kakitangan swasta sebanyak 7.9%, lain-lain sebanyak 5.5% dan 4.9% adalah buruh kasar.

**Jadual 1:** Hasil Analisis Maklumat Demografi Responden

Pembolehubah	Kekerapan (N = 328)	Peratus (%)	Min, Sisihan Piawai, Julat (M, SP, J)
Umur			M = 44.66 SP = 8.07

			J = 21 - 79
Jantina			
Lelaki	130	39.6	
Perempuan	198	60.4	
Status perkahwinan			
Berkahwin	298	90.9	
Bercerai	16	4.9	
Janda/Duda	14	4.3	
Bilangan anak OKU			M = 1.09
	328		SP = .32
			J = 1 - 3
Bangsa			
Melayu	36	11.0	
Cina	22	6.7	
India	1	3.0	
Bumiputera Sabah	260	79.3	
Lain-lain	9	2.7	
Umur anak OKU			M = 14.46
			SP = 2.77
			J = 3 - 18
Tahap pendidikan			
Tidak bersekolah	15	4.6	
Sekolah rendah	85	25.9	
PMR	76	23.2	
SPM	104	31.7	
STPM	8	2.4	
Sijil kemahiran	6	1.8	
Diploma	13	4.0	
Ijazah sarjana muda	20	6.1	
Sarjana	1	0.3	
Jenis pekerjaan			
Suri rumah	108	32.9	
Kerja sendiri	112	34.1	
Buruh kasar	16	4.9	
Kakitangan swasta	26	7.9	
Kakitangan kerajaan	48	14.6	
Lain-lain	18	5.5	

### Hasil Analisis Inferensi

Jadual 2 menunjukkan hasil analisis bagi pengaruh faktor harapan terhadap anak dan sokongan sosial ke atas tiga dimensi kesejahteraan subjektif ibu bapa kanak-kanak kurang upaya pembelajaran iaitu 1) kepuasan hidup, 2) afek positif, dan 3) afek negatif. Nilai  $R^2$  bagi komponen pertama kesejahteraan subjektif, iaitu kepuasan hidup adalah sebanyak 0.320 yang menunjukkan bahawa sebanyak 32.0% varians dalam dimensi kepuasan hidup boleh diterangkan oleh faktor harapan terhadap anak dan sokongan sosial. Penilaian lanjut menunjukkan bahawa  $R^2$  adalah signifikan dan besar berdasarkan panduan penilaian  $R^2$  oleh Cohen (1988). Kedua-dua faktor tersebut juga didapati mempunyai pengaruh yang positif dengan kepuasan hidup, dimana harapan terhadap anak mempunyai pengaruh positif yang signifikan ( $\beta = 0.302$ ,  $p < 0.01$ ), dan sokongan sosial sebagai faktor penyumbang terbesar turut didapati mempunyai pengaruh yang signifikan dengan kepuasan hidup ( $\beta = 0.357$ ,  $p < 0.01$ ).

Bagi dimensi afek positif, nilai  $R^2$  adalah sebanyak 0.184 yang menunjukkan bahawa sebanyak 18.4% varians dalam afek positif boleh diterangkan oleh faktor harapan terhadap anak dan sokongan sosial. Nilai  $R^2$  juga menunjukkan nilai yang signifikan dan sederhana. Kedua-dua faktor turut didapati mempunyai pengaruh yang positif dan signifikan ke atas afek positif iaitu, harapan terhadap anak sebagai penyumbang terbesar ( $\beta = 0.299$ ,  $p < 0.01$ ), diikuti oleh sokongan sosial ( $\beta = 0.198$ ,  $p < 0.01$ ).

Dimensi kesejahteraan subjektif yang seterusnya adalah afek negatif yang menunjukkan nilai  $R^2$  sebanyak 0.115 yang menerangkan bahawa sebanyak 11.5% varians dalam dimensi afek negatif boleh diterangkan oleh faktor harapan terhadap anak dan sokongan sosial. Penilaian lanjut menunjukkan bahawa nilai  $R^2$  adalah signifikan namun pada tahap yang kecil. Faktor harapan terhadap anak mempunyai pengaruh negatif yang signifikan ke atas afek negatif iaitu ( $\beta = -0.194$ ,  $p < 0.01$ ), dan faktor sokongan sosial sebagai penyumbang terbesar juga mempunyai pengaruh negatif yang signifikan ke atas afek negatif ( $\beta = -0.202$ ,  $p < 0.01$ ). Pengaruh negatif yang signifikan ini menunjukkan bahawa apabila harapan terhadap anak dan sokongan sosial tinggi, maka afek negatif yang dialami oleh ibu bapa turut menurun.

**Jadual 2:** Analisis Pengaruh Harapan Terhadap Anak dan Sokongan Sosial ke atas Kesejahteraan Subjektif Ibu Bapa Kanak-Kanak Kurang Upaya Pembelajaran

Dimensi Kesejahteraan Subjektif (KES)	Peramal	Beta	Nilai-t	Keputusan	$R^2$
Kepuasan hidup	Harapan Terhadap Anak	0.302**	5.547	Disokong	0.320
	Sokongan Sosial	0.357**	5.384	Disokong	
Afek positif	Harapan Terhadap Anak	0.299**	4.943	Disokong	0.184
	Sokongan Sosial	0.198**	3.240	Disokong	
Afek negatif	Harapan Terhadap Anak	-0.194**	3.161	Disokong	0.115
	Sokongan Sosial	-0.202**	3.174	Disokong	

Nota: \*Signifikan pada  $p < 0.05$ ; \*\*Signifikan pada  $p < 0.01$ , *Bootstrapping* (n=500)

## Perbincangan

Kajian ini berfokus kepada pengaruh faktor harapan terhadap anak, dan sokongan sosial ke atas kesejahteraan subjektif ibu bapa yang membesarkan kanak-kanak kurang upaya pembelajaran. Berdasarkan hasil analisis secara keseluruhan, didapati faktor harapan terhadap anak dan sokongan sosial dalam kajian ini menjadi faktor penyumbang kepada kesejahteraan subjektif ibu bapa kanak-kanak kurang upaya pembelajaran. Di samping itu, kedua-dua faktor ini juga menunjukkan pengaruh positif yang signifikan kepada dua dimensi utama kesejahteraan subjektif yang terdiri daripada kepuasan hidup dan afek positif, dan pengaruh negatif yang signifikan terhadap dimensi afek negatif.

Bagi faktor harapan terhadap anak, dapatan kajian ini mendapati bahawa faktor tersebut mempunyai pengaruh positif yang signifikan kepada dua dimensi kesejahteraan subjektif iaitu kepuasan hidup dan afek positif serta menunjukkan pengaruh negatif yang signifikan terhadap dimensi afek negatif. Dapatan ini memberikan bukti dan sokongan

mengenai kepentingan harapan terhadap anak dalam mempengaruhi kesejahteraan subjektif ibu bapa yang membesarkan anak kurang upaya pembelajaran. Harapan ibu bapa yang tinggi khususnya kepada anak yang mengalami ketidakupayaan pembelajaran seperti menentukan dengan jelas matlamat untuk anak, mengetahui pelbagai cara untuk menyelesaikan pelbagai masalah yang dikaitkan dengan kehidupan anak, serta terus bermotivasi dalam mencapai matlamat untuk anak mereka merupakan perkara yang meningkatkan lagi kesejahteraan subjektif dalam kalangan ibu bapa yang membesarkan anak kurang upaya pembelajaran. Konsisten dengan kajian Sheenar-Golan (2015), keputusan kajian menunjukkan bahawa harapan yang tinggi memberi pengaruh positif kepada aspek kehidupan ibu bapa dan merupakan penyumbang yang signifikan dalam meningkatkan kesejahteraan subjektif ibu bapa yang membesarkan anak kurang upaya. Dapatan kajian ini turut menyokong dapatan kajian lepas seperti Mednick *et al.* (2007); Horton dan Wallander (2001), iaitu harapan mempunyai pengaruh yang negatif dengan kebimbangan, dan turut dilihat sebagai faktor pelindung yang dapat meningkatkan kesejahteraan.

Kashdan *et al.*, (2002) mencadangkan bahawa harapan adalah penting dalam pengasuhan anak kerana harapan melibatkan fleksibiliti kognitif dan tingkah laku dalam bertindak balas kepada masalah dan juga keyakinan seseorang bahawa sesuatu matlamat itu boleh dicapai. Di samping itu, Cooke (2010) mencadangkan bahawa ibu bapa yang mempunyai tahap harapan yang tinggi mampu mencari pelbagai cara untuk mencapai matlamat dan juga mampu mengejar matlamat mereka walaupun terdapat banyak rintangan. Selain itu, harapan juga dikatakan sebagai aspek penting dalam menghadapi situasi yang mencabar dan juga sebagai faktor yang penting kepada daya tahan dan pengasuhan (Snyder, 2000) selain faktor penting sebagai daya tindak yang lebih positif terhadap anak kurang upaya (Monsson, 2010).

Faktor peramal yang kedua dalam kajian ini adalah sokongan sosial yang juga didapati mempunyai pengaruh positif yang signifikan kepada dua dimensi kesejahteraan subjektif iaitu kepuasan hidup dan afek positif serta pengaruh negatif yang signifikan terhadap dimensi afek negatif. Selari dengan kajian-kajian lepas dalam konteks ibu bapa yang membesarkan anak kurang upaya, dapatan kajian ini menyokong kajian Ostberg dan Hagekull, (2000), Russo dan Fallou (2001) serta Sepa *et al.*, (2004) yang menyatakan bahawa sokongan sosial membantu ibu bapa untuk mengatasi pelbagai tekanan yang berpunca daripada anak. Dapatan kajian ini juga menyokong dapatan kajian Sipal dan Sayin (2013) yang mendapati sokongan sosial sebagai sumber pelindung yang mengurangkan kemurungan dan juga secara tidak langsung membantu untuk mengekalkan sikap keibubapaan yang lebih positif yang akhirnya membawa kepada kesejahteraan yang lebih baik.

Dapatan kajian ini turut menyokong hasil kajian Bodla, Saima dan Ammara, (2012) yang melaporkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan diantara sokongan sosial dan kesejahteraan dalam kalangan ibu bapa kanak-kanak kurang upaya iaitu, apabila sokongan sosial tinggi, maka kesejahteraan dalam kalangan ibu bapa kanak-kanak kurang upaya juga akan meningkat. Kajian ini turut menyokong kajian lepas yang menunjukkan kepentingan sokongan sosial sebagai faktor penting yang membantu terutama dalam melindungi ibu bapa kanak-kanak kurang upaya daripada mengalami tekanan yang tinggi (Crnic & Low, 2002).

### **Kesimpulan**

Kajian ini merupakan antara usaha yang memberikan sumbangan yang berguna terutama dalam aspek kesejahteraan subjektif ibu bapa kanak-kanak kurang upaya pembelajaran. Sebagaimana dapatan dalam kajian ini, dapat disimpulkan bahawa harapan terhadap anak yang mengalami ketidakupayaan pembelajaran yang merangkumi interaksi laluan, agensi,

serta matlamat, dan sokongan sosial terbukti sebagai faktor yang mempengaruhi serta merupakan antara aspek positif yang mampu meningkatkan lagi kesejahteraan subjektif ibu bapa khususnya dalam kalangan ibu bapa yang membesarkan anak kurang upaya pembelajaran. Selain memberi sumbangan dari segi bidang ilmu, diharapkan hasil kajian ini dapat digunakan sebagai panduan yang berguna oleh pihak-pihak yang berkepentingan seperti golongan kaunselor keluarga, pekerja sosial, guru-guru dan masyarakat secara umumnya untuk membantu dan lebih memahami keperluan keluarga khususnya golongan ibu bapa yang membesarkan anak kurang upaya. Dengan peningkatan kanak-kanak kurang upaya khususnya kanak-kanak kurang upaya pembelajaran, mengenal pasti faktor yang mempengaruhi kesejahteraan subjektif ibu bapa adalah antara usaha yang mungkin berkesan untuk membantu ibu bapa agar dapat mewujudkan aspek penjagaan yang lebih berkesan kepada kanak-kanak yang mengalami ketidakupayaan pembelajaran.

### Rujukan

- Anthony, L., Anthony, B., Glanville, D., Naiman, D., Wanders, C. & Shaffer, S. (2005). The relationship between parenting stress, parenting behaviour and preschoolers' social competence and behaviour problems in classroom. *Infant and Child Development*, 14, 133-154.
- Bodla, G. M., Saima, W., & Ammara, T. (2012). Social support and psychological well-being among parents of intellectually challenged children. *International Journal of Rehabilitation Science (IJRS)*, 1(2), 29-35.
- Ceballo, R., & McLoyd, V. C. (2002). Social support and parenting in poor, dangerous neighborhoods. *Child development*, 73(4), 1310-1321.
- Cohen, J. (1988). *Statistical power analysis for the behavioral sciences* (2nd ed.). Hillsdale, NJ: Erlbaum.
- Cooke, J. E. (2010). Hope, optimism, stress, and social support in parents of children with intellectual disabilities
- Crnic, K., & Low, C. (2002). Everyday stresses and parenting. *Handbook of Parenting Volume 5 Practical Issues in Parenting*, 242.
- Diener, E. (1984). Subjective well-being. *Psychol. Bull.* 95: 542-575.
- Diener, E., & Ryan, K. (2009). Subjective well-being: A general overview. *South African Journal of Psychology*, 39(4), 391-406.
- Diener, E., Oishi, S., & Lucas, R. E. (2002). Personality, culture, and subjective well-being: emotional and cognitive evaluations of life. *Annual review of psychology*, 54, 403-425.
- Diener, E., Sandvik, E., & Pavot, W. (1991). Happiness is the frequency, not the intensity, of positive versus negative affect. *Subjective well-being: An interdisciplinary perspective*, 21, 119-139.
- Diener, Ed, Eunkook M. Suh, Robert E. Lucas and Heidi L. Smith (1999). 'Subjective WellBeing: Three Decades of Progress.' *Psychological Bulletin*, 125 (2), 276-302.
- Hartley, S. M., Vance, D. E., Elliott, T. R., Cuckler, J. M., & Berry, J. W. (2008). Hope, self-efficacy, and functional recovery after knee and hip replacement surgery. *Rehabilitation Psychology*, 53(4), 521.
- Horton, T. V., & Wallander, J. L. (2001). Hope and social support as resilience factors against psychological distress of mothers who care for children with chronic physical conditions. *Rehabilitation Psychology*, 46(4), 382.
- Kashdan, T. B., Pelham, W. E., Lang, A. R., Hoza, B., Jacob, R. G., Jennings, J. R., ... & Gnagy, E. M. (2002). Hope and optimism as human strengths in parents of children with externalizing disorders: Stress is in the eye of the beholder. *Journal of Social and Clinical Psychology*, 21(4), 441-468.

- Lyubomirsky, S., King, L., & Diener, E. (2005). The benefits of frequent positive affect: does happiness lead to success?. *Psychological bulletin*, 131(6), 803.
- Manuel, J., Naughton, M. J., Balkrishnan, R., Smith, B. P., & Koman, L. A. (2003). Stress and adaptation in mothers of children with cerebral palsy. *Journal of Pediatric Psychology*, 28(3), 197-201.
- Mednick, L., Cogen, F., Henderson, C., Rohrbeck, C. A., Kitessa, D., & Streisand, R. (2007). Hope more, worry less: Hope as a potential resilience factor in mothers of very young children with type 1 diabetes. *Children's Healthcare*, 36(4), 385-396.
- Monsson, Y. (2010). The effects of hope on mental health and chronic sorrow in parents of children with autism spectrum disorder.
- Östberg, M., & Hagekull, B. (2000). A structural modeling approach to the understanding of parenting stress. *Journal of clinical child psychology*, 29(4), 615-625.
- Park, N., Peterson, C., & Seligman, M. E. (2004). Strengths of character and well-being. *Journal of social and Clinical Psychology*, 23(5), 603-619.
- Russo, T.J. & Fallou, M.A. (2001). Helping military families who have a child with a disability cope with stress. *Early Childhood Education Journal*, 29, 3-8. doi:10.1023/A:1011348620920
- Seligman, M. E., & Csikszentmihalyi, M. (2000). Special issue: Positive psychology. *American Psychologist*, 55(1).
- Sepa, A., Frodi, A., & Ludvigsson, J. (2004). Psychosocial correlates of parenting stress, lack of support and lack of confidence/security. *Scandinavian Journal of Psychology*, 45(2), 169-179.
- Shenaar-Golan, V. (2015), Hope and subjective well-being among parents of children with special needs. *Child & Family Social Work*. doi: 10.1111/cfs.12241.
- Sipal, R. F., & Sayin, U. (2013). Impact of perceived social support and depression on the parental attitudes of mothers of children who are deaf. *Journal of Child and Family Studies*, 22(8), 1103-1111.
- Smith, T. B., Oliver, M. N., & Innocenti, M. S. (2001). Parenting stress in families of children with disabilities. *American journal of orthopsychiatry*, 71(2), 257.
- Snyder, C. R. (Ed.). (2000). *Handbook of hope: Theory, measures, and applications*. Academic press.